

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan di bawah RMKe-11, berapa jumlah graduan TVET MARA yang dihasilkan dan berapa jumlah graduan TVET MARA yang mendapat pekerjaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

MARA telah menyediakan laluan artikulasi TVET MARA yang bermula daripada peringkat Sijil hingga Diploma seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Profesional dan Doktor Falsafah (PhD) melalui 270 institusi Pendidikan TVET MARA (GiatMARA, IKM/KKTM/MJII, GMI, UniKL) yang menawarkan 394 program / kursus.

Di bawah RMKe-11, setakat September 2020, graduan TVET MARA yang dihasilkan adalah seramai 139,166 manakala yang telah bekerja adalah seramai 123,857 pelajar (89%).